

13 FEB 2003

Sukan-Ironman

PESERTA CACAT ANTARA PESERTA IRONMAN LANGKAWI

LANGKAWI, 13 Feb (Bernama) -- Peserta cacat adalah antara yang mengesahkan penyertaan pada Kejohanan Ironman Triatlon Langkawi Malaysia 2003 di sini pada 23 Feb ini.

Pengurus pendaftaran kejohanan itu S.Sathiah berkata Randy Caddle dari Amerika Syarikat, yang berkerusi roda, akan bersaing bersama-sama peserta lain pada kejohanan berprestij itu.

Randy, peserta cacat tunggal luar negara, akan bertanding seperti peserta-peserta lain iaitu dikehendaki menamatkan acara renang sejauh 3.8km, berbasikal sejauh 180km dan larian sejauh 32.2km tidak melebihi tempoh 17 jam.

Seorang peserta Sarawak Mahathir Ejin Dating juga adalah peserta kurang upaya yang akan menyertai kejohanan itu.

Sementara itu, semakin ramai peserta tiba lebih awal di sini untuk mengadakan latihan di pulau ini.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang dianggotai 17 atlit tiba di sini sejak 5 Feb lepas untuk menjalani latihan pusat.

Ketua pasukan Ironman ATM, Rozaini Ismail, berkata jumlah atlit pada kejohanan kali ini meningkat berbanding 12 orang tahun lepas.

"Mereka diberi cuti sebelah pagi semalam sempena Aidiladha dan meneruskan latihan sebelah petang bagi memantapkan persiapan mereka," katanya semasa ditemui selepas sesi latihan di sini, hari ini.

ATM akan memastikan untuk mencapai kedudukan 10 terbaik dan membaiki kedudukan termasuk catatan masa berbanding kejohanan lepas, katanya.

Setakat ini, 405 peserta dari 28 negara mengesahkan penyertaan dalam kejohanan berprestij yang menawar hadiah wang tunai RM190,000 (AS\$50,000).

Kejohanan edisi keempat itu adalah satu siri dalam menempah tiket ke Kejohanan Dunia Triathlon Ironman di Kona, Hawaii, pada Oktober depan.

Antara peserta yang mengambil bahagian ialah pemegang rekod kejohanan Ironman dunia, Luc Van Lierde dari Belgium dan juara dua kali Ironman Langkawi, Bryan Rhodes dari New Zealand.

-- BERNAMA

ZI NAK